

14/07/1999

Anugerah Khidmat Cekap iktiraf perkhidmatan cemerlang

LAMAN web Anugerah Khidmat Cekap anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM) diwujudkan untuk tiga agensi dan jabatan kerajaan yang dianggap paling cekap perkhidmatannya kepada pihak swasta.

Laman berkenan di www.esa.org.my akan memudahkan agensi dan jabatan mengambil bahagian serta mendapatkan maklumat mengenai anugerah berprestij itu.

Ia diadakan setiap tahun sejak 1991 sempena Anugerah Kualiti yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebagai pengiktirafan kepada agensi dan jabatan yang berkhidmat dengan cemerlang.

Penerima anugerah yang dinilai dari segi kecekapan perkhidmatan dibahagikan kepada tiga kategori - kecil dengan kakitangan tidak lebih 100 orang, sederhana (kakitangan 101-500 orang) dan besar lebih 500 orang.

(END)